BAB 2

KEPENTINGAN SEKTOR PERTANIAN

2.1 Pengenalan

Sejak empat dekad yang lalu, ekonomi Malaysia telah mengalami perubahan struktur daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian. Walaupun begitu bagi tempoh tiga puluh tahun pertama semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan, sektor pertanian merupakan sektor teraju yang memacu kepada pertumbuhan ekonomi negara (Rahimah Md. Said, 2000). Sektor pertanian ini merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dan enjin pembangunan negara. Sektor pertanian dijadikan sebagai sumber asas untuk membiayai pembangunan negara yang secara progresif menuju ke arah transformasi ekonomi perindustrian. Pertumbuhan pesat sektor perindustrian dalam beberapa dekad lepas memberi impak kepada sektor pertanian. Secara relatifnya sumbangan sektor pertanian kepada pendapatan negara, pendapatan eksport, tenaga kerja dan pelaburan telah berkurangan.

Selaras dengan Wawasan 2020, ekonomi Malaysia lebih tertumpu kepada bidang perindustrian. Namun begitu, fungsi dan sumbangan sektor pertanian tetap penting untuk menjana pembangunan ekonomi negara. Dengan penekanan yang diberikan kepada sektor pembuatan dan perindustrian sebagai enjin pembangunan negara, dapat dilihat bahawa kepentingan sektor pertanian kepada ekonomi telah merosot. Rangka kerja ekonomi makro yang baru perlu

dibuat penyesuaian bagi memastikan sektor ini terus relevan dan berterusan sebagai penyokong kepada pelaksanaan negara perindustrian yang lebih cekap.

Bagi memahami dengan lebih mendalam lagi tentang peranan sektor pertanian ini kepada pembangunan ekonomi negara, perlulah dilihat tentang jenis-jenis aktiviti sektor tersebut. Di Malaysia, sektor pertanian boleh dipisahkan kepada dua kategori utama iaitu komoditi pertanian untuk industri dan komoditi makanan. Komoditi pertanian untuk industri ialah keluaran tanaman untuk eksport. Manakala komoditi makanan pula ialah keluaran tanaman makanan untuk permintaan penggunaan domestik.

2.2 Corak Penggunaan Tanah Untuk Pertanian

Corak guna tanah pertanian mempunyai pengaruh yang kuat kepada tingkat pengeluaran pertanian . Bagi tujuan pertanian, pengagihan tanah antara pelbagai aktiviti kegunaan adalah berdasarkan kepada klasifikasi tanah-tanih di mana ia menentukan ciri-ciri utama tanah dan halangan-halangan kepada pertumbuhan tanaman. Jumlah kawasan tanah yang sesuai untuk pertanian hanya 30.0 peratus (9,919.9 km^2) daripada jumlah kawasan tanah seluruh negara (329,733 km^2) (Pazim@Fadzim,Othman, 2000).

Berdasarkan klasifikasi kategori, Jadual 2.1 menunjukkan corak penggunaan tanah bagi aktiviti-aktiviti sektor pertanian ini. Tanaman pertanian untuk industri terdiri daripada getah, kelapa sawit, nanas dan tembakau. Manakala kategori komoditi makanan pula merangkumi padi, ternakan, perikanan laut dan akuakultur, sayur-sayuran dan buah-buahan. Tanaman

bunga-bungaan telah dikenalpasti sebagai tanaman yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai tanaman industri negara.

Berdasarkan Jadual 2.1, dapat dikenalpasti beberapa ciri utama corak penggunaan tanah pertanian di Malaysia bagi tahun 1990-2000. Antaranya ialah lebih daripada lima juta hektar tanah digunakan untuk aktiviti pertanian dan daripada jumlah itu, 75.0 peratus adalah ditanam dengan komoditi tanaman untuk industri. Berdasarkan luas kawasan, tanaman utama di Malaysia ialah kelapa sawit dan diikuti oleh getah, padi, koko dan kelapa. Daripada lima jenis tanaman utama, hanya kelapa sawit yang menunjukkan tren yang meningkat dari segi jumlah kawasan tanaman. Peningkatan dalam jumlah kawasan tanaman menunjukkan Malaysia berusaha untuk menjadi pengeluar utama dunia dalam produk kelapa sawit.

2.3 Pengeluaran Output Pertanian

Pengeluaran output pertanian bagi beberapa tanaman seperti kelapa sawit, koko, perikanan, ternakan dan padi menunjukkan sedikit peningkatan. Komoditi makanan pada keseluruhannya menunjukkan peningkatan dalam pengeluaran terutama perikanan dan ternakan kecuali pengeluaran daging babi. Jadual 2.2 menunjukkan pengeluaran pertanian bagi tempoh 1995-2000.

2.3.1 Komoditi Pertanian Untuk Industri

Merujuk kepada Jadual 2.2, dapat dilihat bahawa tanaman utama industri iaitu kelapa sawit mencatatkan peningkatan dalam keluaran. Minyak

Jadual 2.1:Malaysia: Luas Kawasan Tanaman Terpilih ('000 hektar)

Tempoh	Getah	Kelapa sawit	Koko+	Kelapa	Lada hitam**	Nanas	Tembakau	Padi	Kopi*	Teh*	Tebu	Bunga-Bungaan*	Akuakultur /air tawar /air paya++	Sayur-sayuran*	Buah-Buahan
1980	2003.8	1023.3	123.9	354.5	13.8	12.1	13.2	716.9	13.0	3.0	12.7	t.d	t.d	t.d	t.d
1986	1905.6	1599.3	322.3	336.8	6.1	10.5	15.8	650.9	16.1	3.2	22.1	t.d	t.d	t.d	t.d
1987	1874.6	1672.9	344.0	327.0	9.7	7.3	12.3	659.0	16.0	3.4	20.4	t.d	t.d	t.d	t.d
1988	1867.3	1805.9	398.4	331.1	9.6	8.4	9.4	671.8	16.9	3.5	21.0	t.d	t.d	t.d	t.d
1989	1849.0	1951.3	409.4	335.1	10.9	8.0	12.3	664.1	17.0	3.3	20.4	t.d	t.d	t.d	t.d
1990	1838.6	2029.5	415.6	313.6	11.5	9.1	10.2	680.6	17.8	3.3	21.6	t.d	t.d	26.3	167.9
1991	1818.7	2094.0	400.2	312.7	11.3	9.1	15.0	683.6	18.3	3.3	22.5	t.d	t.d	24.2	181.6
1992	1792.3	2197.7	378.5	298.8	10.2	8.9	11.9	672.8	17.5	2.9	23.5	t.d	t.d	28.4	195.3
1993	1706.8	2305.9	300.0	294.3	9.1	8.4	12.4	693.4	16.9	2.9	22.4	t.d	7.6	29.4	209.1
1994	1738.0	2412.0	271.3	291.3	10.5	7.7	10.2	698.6	17.1	2.7	22.1	0.8	10.1	35.3	222.8
1995	1679.0	2540.0	190.1	273.5	10.3	7.9	10.5	672.8	11.5	2.9	22.1	0.9	9.1	33.8	236.5
1996	1625.2	2692.2	168.2	228.2	9.9	7.1	11.0	685.5	9.5	3.1	22.3	0.8	9.2	32.1	250.2
1997	1594.5	2819.3	140.9	t.d	10.3	6.9	10.8	691.0	9.3	3.0	21.9	0.8	12.8	33.8	263.9
1998	1620.0	3078.1	117.7	t.d	11.5	7.6	14.2	674.3	8.3	3.1	22.0	0.7	11.5	32.6	250.1
1999	1591.9	3313.4	100.8	197.3	11.5	8.1	18.5	692.0	7.6	3.1	10.4	t.d	t.d	32.1	261.8
2000[a]	1560.3	3376.7	77.7	t.d	11.6	7.2	15.8	699.6	t.d	3.1	t.d	t.d	t.d	t.d	t.d

Nota : + berdasarkan konsep kawasan setara tanaman utama
* Semenanjung Malaysia sahaja
** dari tahun 1990, kawasan mengikut asas tanaman tunggal
++ data bagi kolam ikan dan kolam bekas lombong sahaja
[a] anggaran Kementerian Kewangan
t.d tiada data

Sumber : Buletin Perangkaan Bulanan, November 2001 (diubahsuai).

Jadual 2.2: Pengeluaran Komoditi Pertanian, 1995-2000 (' 000 tan)

Komoditi	1995	1998	2000[a]	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) RM7 Sasaran	Semakan	1996-1998	1999-2000
Komoditi Pertanian Untuk Industri							
Getah	1074.0	885.0	870.0	-1.7	-4.1	-6.3	-0.9
Minyak sawit mentah	7726.0	8315.0	9496.0	3.2	4.2	2.5	6.9
Isirong kelapa sawit	2395.6	2656.0	2939.5	3.2	4.2	3.5	5.2
Balak[1]	34031.0	22703.0	21805.0	-3.5	-8.5	-12.6	-2.0
Koko	132.0	90.2	120.0	0.5	-1.9	-11.9	15.3
Komoditi Makanan							
Padi	2127.7	2128.0	2219.7	-2.1	0.9	0.1	2.1
Perikanan	1241.1	1360.1	1511.0	3.7	4.0	3.1	5.4
Laut	1108.4	1203.9	1255.8	1.2	2.5	2.8	2.1
Akuakultur	132.7	156.2	255.2	20.1	14.0	5.6	27.8
Ternakan							
Daging Lembu	16.9	21.6	25.5	3.6	8.5	8.5	8.7
Daging Kambing	0.7	0.8	0.9	4.2	4.9	4.9	4.9
Ayam-itik	687.4	820.8	986.1	5.4	7.5	6.1	9.6
Babi	283.4	293.0	203.9	1.0	-6.4	1.1	-16.6
Telur[2]	6817.0	7515.5	8018.0	3.4	3.3	3.3	3.3
Susu[3]	36.8	44.0	49.5	2.1	6.1	6.2	0.1
Lain-lain							
Lada	13.3	20.0	24.0	-1.1	12.5	14.6	9.5
Nanas	140.4	100.0	145.0	1.4	0.6	-10.7	20.4
Tembakau	11.7	12.9	13.7	5.6	3.2	3.3	3.1
Bunga-bungaan[4]	415960.0	581434.1	677890.0	16.2	10.3	11.8	8.0
Buah-buahan[5]	1109.9	1135.3	1234.2	8.5	3.9	3.6	4.3
Sayur-sayuran	718.1	820.8	907.4	5.8	4.8	4.6	5.1
Kelapa[2]	1388.9	1069.2	1026.0	-2.0	-5.9	-8.4	-2.0

Nota : [1] diukur dalam ribu meter padu
[2] diukur dalam juta unit
[3] diukur dalam juta liter
[4] diukur dalam ribu tangkai
[5] termasuk nanas
[a] anggaran Kementerian Kewangan

Sumber : Kajian Separuh Penggal RM7, 1996-2000 (diubahsuai).

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

sawit mentah mencatatkan pertambahan dalam pengeluaran daripada 7.7 juta tan pada tahun 1995 kepada 8.3 juta tan pada tahun 1998 iaitu peningkatan sebanyak 2.5 peratus setahun. Manakala keluaran isirong kelapa sawit meningkat sebanyak 3.5 peratus setahun daripada 2.4 juta tan kepada 2.7 juta tan bagi tempoh yang sama. Bagi tempoh 1998 dan 2000, kedua-dua jenis keluaran ini mencatatkan peningkatan dalam jumlah keluaran. Keluaran minyak sawit mentah dan isirong kelapa sawit masing-masing mencatatkan peningkatan 4.8 peratus dan 2.5 peratus setahun iaitu daripada 8.3 juta tan pada tahun 1998 kepada 9.5 juta tan pada tahun 2000 dan daripada 2.7 juta tan pada tahun 1998 kepada 2.9 juta tan pada tahun 2000.

Perkembangan pengeluaran sektor kelapa sawit adalah dikatakan disokong oleh pasaran minyak sawit dan lemak antarabangsa. Harga purata bagi minyak sawit mentah dikatakan berganda daripada RM1191.00 setan pada tahun 1995 kepada RM2361.00 setan bagi tahun 1998. Peningkatan dalam pengeluaran minyak kelapa sawit sebahagian besarnya telah menyumbang kepada perkembangan produktiviti (Malaysia, 1996b). Ini dapat dilihat daripada Jadual 2.1 di mana luas kawasan tanaman meningkat daripada 2.5 juta hektar pada tahun 1995 kepada 3.1 juta hektar pada 1998 iaitu perubahan peningkatan sebanyak 0.6 juta hektar. Peningkatan dalam jumlah kawasan tanaman sebahagian besar disebabkan oleh penggantian tanaman lain kepada kelapa sawit terutama getah dan koko. Bagi tanaman koko, ia menghadapi masalah pulangan ekonomi yang rendah di mana menyebabkan penurunan dalam pengeluaran dan luas kawasan tanaman. Pengeluaran tanaman ini berkurangan daripada 132,000 tan pada tahun 1995 kepada 90,200 tan pada

tahun 1998 iaitu penurunan sebanyak 10.5 peratus setahun. Sementara itu, luas kawasan tanaman berkurangan daripada 190,100 hektar pada tahun 1995 kepada 117,700 hektar iaitu penurunan sebanyak 12.7 peratus setahun (Jadual 2.1). Penurunan dalam jumlah pengeluaran dan kawasan tanaman ini disebabkan kawasan tanaman koko telah digantikan dengan tanaman kelapa sawit. Walaupun begitu, produktiviti tanaman ini berterusan meningkat berikutan penggunaan klon biji benih yang lebih berhasil tinggi. Eksport koko yang tidak termasuk produk asas koko menurun dari segi nilai nominal daripada 20.7 peratus pada tahun 1995 kepada RM90.3 juta pada tahun 1998. Di samping itu, eksport koko termasuk keluaran produk asas koko meningkat daripada RM669.1 juta pada tahun 1997 kepada RM700 juta pada tahun 1998 (Malaysia, 1996b).

2.3.2 Komoditi Makanan

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk memodenkan sektor komoditi makanan. Kategori utama komoditi makanan terdiri daripada ternakan, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Bagi tempoh 1995-2000, komoditi ini telah mencatatkan peningkatan dalam pengeluaran. Ini dapat dibuktikan melalui tahap sara diri beberapa jenis makanan. Bagi perikanan yang terdiri daripada dua kumpulan utama iaitu laut dan akuakultur mencatatkan peningkatan. Bagi sektor perikanan keseluruhannya, kadar pertumbuhan tahunan purata adalah sebanyak 3.1 peratus setahun bagi tempoh 1996 hingga 1998. Ia mencatatkan peningkatan pengeluaran daripada 1.2 juta tan pada tahun 1995 kepada 1.4 juta tan pada tahun 1998 dan seterusnya meningkat kepada 1.5 juta tan pada tahun 2000. Bagi tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran juga

terdapat peningkatan dalam pengeluaran. Untuk buah-buahan, pada tahun 1995 pengeluarannya adalah sebanyak 1,109,900 tan dan meningkat kepada 1,135,300 tan pada tahun 1998 iaitu peningkatan sebanyak 3.6 peratus setahun. Bagi sayur-sayuran pula, pada tahun 1995 ia mencatatkan sebanyak 718,100 tan dan meningkat 4.6 peratus setahun kepada 820,800 tan pada tahun 1998. Peningkatan dalam pengeluaran beberapa jenis tanaman adalah selaras dengan pertambahan keluasan tanaman tersebut.

2.4 Sumbangan kepada Pendapatan Negara

Walaupun terdapat sedikit penurunan, sumbangan sektor pertanian kepada pendapatan negara kekal konsisten. Sumbangan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan kepada pendapatan negara adalah sebanyak RM17,687.0 juta setahun bagi tempoh 1994-2000. Walaupun begitu, sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berada di tempat ketiga selepas sektor pembuatan dan sektor perdagangan, borong dan runcit, hotel dan restoran. Ekoran daripada krisis yang melanda negara, sumbangan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan telah menurun di mana ia mencatatkan peratus perubahan tahunan iaitu 2.8 peratus. Namun, beberapa langkah telah diambil seperti yang digariskan dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) 1998-2010, sektor ini terus konsisten dari segi sumbangan kepada pendapatan negara. Pada tahun 2002, Kementerian Kewangan meramalkan sebanyak RM18,057 juta akan disumbangkan oleh sektor ini kepada KDNK atau perubahan sebanyak 0.8 peratus (Jadual 2.3) (Malaysia, 2001c).

Jadual 2.3: Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Punca-punca Kegiatan (RM juta pada harga tetap 1987)

Sektor	1994	%	1995	%	1996	%	1997	%	1998	%	1999	%	2000	%	2001[a]	%	2002[r]	%
Pertanian, Perhutanan, Perikanan[1]	17559	-1.9	17115	-2.5	17889	4.5	18010	0.7	17512	-2.8	17575	0.4	17687	0.6	17906	1.2	18057	0.8
Perlombongan & Kuari	11099	6.0	13643	22.9	14040	2.9	14305	1.9	14357	0.4	13977	-2.6	14416	3.1	14552	0.9	15183	4.3
Perkilangan	40566	11.4	45174	11.4	53387	18.2	58788	10.1	50900	-13.4	57761	13.5	69867	21	70007	0.2	74585	6.5
Pembinaan	6122	15.1	7411	21.1	8610	16.2	9522	10.6	7241	-24.0	6926	-4.4	6996	1.0	7340	4.9	7655	4.3
Elektrik, Gas & Air	4940	13.9	5876	19.0	6441	9.6	6070	-5.8	6745	11.1	7334	8.7	7886	7.5	8265	4.8	8838	6.9
Pengangkutan, Penyimpanan & Perhubungan	10967	18.7	12298	12.1	3208	7.4	14764	11.8	14720	-0.3	15557	5.7	16694	7.3	17758	6.4	18999	7.0
Perdagangan, borong & runcit, Hotel & Restoran	22702	12.0	25304	11.5	27297	7.9	29484	8.0	28489	-3.4	29240	2.6	30949	5.8	31558	2.1	3283	3.9
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	15756	4.2	17287	9.7	20220	17.0	24044	18.9	23583	-1.9	24895	5.6	26161	5.1	27495	5.1	29035	5.6
Perkhidmatan Kerajaan	11639	5.4	11803	1.4	12004	1.7	13042	8.6	13180	1.1	14195	7.7	14395	1.4	15414	7.1	16356	6.1
Perkhidmatan Lain[2]	11430	10.6	12780	11.8	13793	7.9	14760	7.0	15036	1.9	15433	2.6	15662	1.5	16127	3.0	16793	4.1
Tolak: Bayaran Perkhidmatan bank yang dikenakan	7727	10.7	8888	15.0	10954	23.2	13759	25.6	13956	1.4	14896	6.7	16090	8.0	17345	7.8	18663	7.6
Tambah: Cukai Import	6660	22.4	6822	2.4	7357	7.8	7684	4.5	4430	-42.3	5316	20.1	4742	-10.9	4481	-5.5	4678	4.4
KDNK pada harga pasaran	151713	9.2	166625	9.8	183292	10.0	196714	7.3	182237	-7.4	193317	6.1	209365	8.3	213585	2.0	224346	5.0

Nota: [1] termasuk ternakan dan hortikultur
[2] Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian, perkhidmatan swasta tanpa keuntungan kepada isirumah
[a] anggaran oleh Kementerian Kewangan
[r] ramalan oleh Kementerian Kewangan

Sumber: Laporan Ekonomi 2001/2002 (diubahsuai).

Jadual 2.4: Gunatenaga Mengikut Sektor, 1980-2000(peratus syer)

Sektor	1980	1985	1990	1995	2000
Pertanian	39.7	31.3	27.8	18.0	13.1
Perlombongan	1.7	0.8	0.7	0.5	0.5
Pembuatan	15.7	15.2	19.5	25.9	28.9
Pembinaan	5.6	7.6	6.4	8.3	9.3
Perkhidmatan[1]	20.5	30.5	32.9	36.3	38.3
Perkhidmatan Kerajaan	13.7	14.6	12.8	11.0	9.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Nota: [1] termasuk eletrik, gas dan air, pengangkutan, komunikasi, perdagangan runcit, hotel dan restoran, insurans dan perkhidmatan perniagaan

Sumber: Pazim@fadzim Othman, 2000 (diubahsuai)

Jadual 2.5: Gunatenaga Pertanian dan Nilai Tambah Pekerja, 1995-2000

						Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (%)			
						RM7			
	1995	1996	1997	1998	2000[a]	Sasaran	Dipinda	1996-1998	1999-2000
Gunatenaga ('000 orang)	1524.0	1504.5	1494.5	1433.4	1425.5	-3.6	-1.3	-2.0	-0.3
Peratus jumlah gunatenaga	19.0	17.9	17.0	16.8	16.1				
Nilai Tambah/ orang (RM pada 1978)	10650	11023	11244	11255	12515	6.2	3.3	1.9	5.4

Nota : [a] anggaran Kementerian Kewangan

Sumber : Kajian Separuh Penggal RM7, 1996-2000 (diubahsuai)

2.5 Gunatenaga Dalam Sektor Pertanian

Sektor pertanian merupakan antara sektor paling banyak menyerap tenaga buruh selain daripada sektor pembuatan. Walaupun berlaku beberapa perubahan dalam struktur ekonomi, sektor pertanian terus menyerap sebahagian besar tenaga buruh negara. Secara keseluruhannya, gunatenaga dalam sektor pertanian menunjukkan sedikit penurunan. Jadual 2.4 menunjukkan gunatenaga mengikut sektor bagi tahun 1980 hingga 2000. Pada tahun 1985 gunatenaga untuk pertanian mengambil bahagian sebanyak 31.3 peratus daripada gunatenaga keseluruhan ekonomi. Peratus gunatenaga sektor pertanian terus menunjukkan tren penurunan di mana dicatatkan sebanyak 27.8 peratus (1990), 18.0 peratus (1995) dan 13.1 peratus (2000). Penurunan peratus gunatenaga pertanian dikatakan berpunca akibat beberapa estet dan ladang yang mengambil langkah penjimatan kos dengan memberhentikan pekerja asing kesan daripada krisis kewangan 1997 (Fatimah Mohd. Arshad, t.t).

Dalam tempoh kajian RM7, gunatenaga dalam sektor pertanian terus menurun. Pada tahun 1996, ia mencatatkan 1.5 juta orang dan menurun kepada 1.4 juta orang pada tahun 1998 iaitu penurunan sebanyak 2.0 peratus setahun. Walaupun begitu, sektor ini mencatatkan peningkatan dalam nilai tambah setiap pekerja iaitu 1.9 peratus setahun bagi tempoh 1996-1998 (Jadual 2.5). Penggunaan teknologi moden dan langkah penjimatan buruh telah meningkatkan produktiviti buruh. Kekurangan buruh akan berterusan menjadi satu faktor penting yang menghalang pertumbuhan sektor pertanian. Pada tahun 1998, sektor penanaman merekodkan kekurangan sebanyak 30,000 orang terutama penoreh, penuai dan lain-lain. Ini menyebabkan sektor pertanian

terpaksa menggunakan buruh asing terutamanya dari Indonesia dan Bangladesh. Mengikut rekod, jumlah pekerja asing dalam sektor ini yang didaftarkan adalah sebanyak 217,200 orang atau 15.2 peratus daripada jumlah keseluruhan gunatenaga dalam sektor pertanian di Malaysia (Malaysia, 1996b).

2.6 Kesimpulan

Sektor pertanian secara asasnya menjadi tonggak tulang belakang ekonomi negara yang sedang menghadapi proses transformasi melalui pengecilan dan penurunan berkitar dalam saiz dan sumbangan sektor ini kepada gunatenaga, pendapatan negara, pendapatan eksport dan seterusnya kepada ekonomi negara keseluruhannya. Namun begitu, arah aliran ini adalah merupakan perkara yang sering berlaku bagi Negara Sedang Membangun untuk menuju ke arah negara perindustrian. Penurunan sumbangan sektor ini tidak perlu dilihat dari sudut negatif kerana ia memberi peluang bagi pengaliran sumber-sumber kepada sektor-sektor yang lebih produktif seperti sektor pembuatan berasaskan sumber.